

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 28 APRIL 2015 (SELASA)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	J-Biotech sasar RM500 juta pelaburan Bioteknologi, Biodiversiti tahun ini	Bernamea.com
2	KETTHA sedia beri pinjaman buka 'Kedai Hijau'	Bernamea.com
3	Time to rethink our high-tech agenda	New Straits Times



## **J-Biotech Sasar RM500 Juta Pelaburan Bioteknologi, Biodiversiti Tahun Ini**

JOHOR BAHRU, 27 April (Bernama) -- Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Johor (J-Biotech) menyasar untuk menarik RM500 juta pelaburan dalam kedua-dua industri itu tahun ini, berbanding hanya RM37.5 juta tahun lepas.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, ia sejajar dengan hasrat kerajaan yang mahu menjadikan Johor negeri yang bukan setakat menekankan industri minyak dan gas serta pendidikan, tetapi juga bioteknologi.

Menurut Mohamed Khaled, menjelang 2020, nilai pelaburan bagi kedua-dua industri juga sepatutnya mencecah RM3 bilion dan menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan, terutama graduan universiti.

"Kita tahu potensi sektor bioteknologi dan Johor mahu menjadi pemain utamanya.

"Sehubungan itu, pada awal tahun, kita telah mewujudkan Johor Bio Talent Development Centre bagi menjayakan sektor ini, khususnya berkaitan modal insan," katanya pada sidang media selepas merasmikan Forum Inovasi dan Perindustrian Majlis Profesor Negara (MPN) Berkenaan Industri Bioteknologi, di sini Isnin.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif J-Biotech, Wan Amir Jeffery Wan Abd Majid dan Ketua Pegawai Eksekutif MPN, Profesor Datuk Dr. Raduan Che Rose.

Sementara itu, semasa ucapan perasmianya, Mohamed Khaled berkata, Johor Bio Talent ditubuhkan pada Februari lepas dengan tujuan memudahkan pembangunan bakat untuk industri bioteknologi dan berasaskan bio dengan perkongsian ilmu dan teknologi, pembangunan usawahan serta penyelidikan dan pembangunan sebagai komponen utamanya.

Sejak penubuhannya, Johor Bio Talent telah menjalin perkongsian dengan 11 syarikat, termasuk Biocon Sdn Bhd, Stelis Biopharma Sdn Bhd, Syarikat Wen ken Drug Sdn Bhd, Palsgaard (M) Sdn Bhd, Eonlipids Sdn Bhd, Natural Speciality Sdn Bhd dan Super Food Specialists (M) Sdn Bhd.

"Berdasarkan rakan kongsi industri Johor Bio Talent, ia dijangka mewujudkan 2,000 peluang pekerjaan menjelang 2018.

"Dengan itu, saya bangga untuk mengumumkan Johor Bio Talent kini beroperasi sepenuhnya untuk memudah dan menghasilkan modal insan yang kompeten untuk industri bioteknologi yang akan mengukuhkan lagi kedudukan Johor sebagai destinasi menarik bagi pelaburan bioteknologi serta berasaskan bio," tambahnya.

Johor Bio Talent adalah kerjasama J-Biotech dengan Perbadanan Bioteknologi Malaysia (BiotechCorp) dan Kementerian Pendidikan melalui Program Kebolehpekerjaan Siswazah kementerian itu, iaitu Pusat Kecemerlangan Industri Bioteknologi.

Sementara itu, Wan Amir menegaskan, tumpuan J-Biotech adalah untuk membawa masuk teknologi biopertanian bagi dijadikan bahan mentah pertanian yang dihasilkan masyarakat setempat sebagai produk bernilai tinggi di pasaran antarabangsa.

"Ini kerana Johor merupakan pengeluar terbesar pertanian dan ia akan menjadi tumpuan kita bagi tiga atau empat tahun akan datang sebelum diikuti bioindustri, bioperubatan dan sebagainya," tambahnya.

-- BERNAMA





## KETTHA Sedia Beri Pinjaman Buka 'Kedai Hijau'

PETALING JAYA, 27 April (Bernama) -- Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KETTHA) bersedia memberi pinjaman kepada syarikat yang ingin membuka kedai berkonsepkan hijau, sekali gus mempromosikan dengan meluas produk-produk mesra alam sekitar.

Timbalan Menteri Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata melalui Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS), syarikat-syarikat berkecayaan boleh diberi pinjaman untuk merencanakan pengeluaran dan penggunaan produk hijau.

"Yang penting sekali syarikat kena layak dari segi pengiktirafan contohnya daripada [Sirim](#) atau MyHijau... dan apabila syarikat itu sudah layak, syarikat itu nak minta bantuan (kewangan) kami boleh bantu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan 'GR!N Store', di sini hari ini.

Mahdzir berkata antara kriteria untuk diiktiraf sebagai kedai hijau ialah pengurusan yang mempraktikkan amalan hijau seperti cekap tenaga, pengurusan sisa efisien, mempamer dan menjual produk-produk hijau yang mempunyai pelabelan eko yang diiktiraf, dan menjalankan aktiviti promosi dan perkhidmatan hijau.

Menurut laman sesawang GTFS, sesebuah syarikat boleh mendapat pinjaman sehingga RM10 juta untuk mempromosikan produk hijau, jika layak.

Mahdzir berkata pada 2013, industri hijau menyumbang RM7.9 bilion atau 0.8 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar.

Mengenai GR!N Store, Mahdzir berkata pembukaan premis itu adalah selari dengan dasar kerajaan untuk meningkatkan kesedaran akan kepentingan penggunaan produk hijau dalam kalangan masyarakat.

Beroperasi di dalam pasar raya Super Pharmacy Warehouse, GR!N Store adalah premis pertama yang seumpamanya diwujudkan di Malaysia dan merupakan kerjasama antara Green Purchasing Network Malaysia (GPNM) dan Symbion Biotech Sdn Bhd.

-- BERNAMA

